

10 JANUARI 2018

## Dadah bernilai RM7 juta dirampas tahun lepas

### Dadah bernilai RM7 juta dirampas tahun lepas

KUCHING - Polis Kuching merampas dadah bernilai RM7 juta sepanjang tahun lalu, dengan dadah jenis syabu merekodkan rampasan terbesar, menjangkau hingga RM6.45 juta.

Ketua Polis Daerah Asisten Komisioner Abang Ahmad Abang Julai berkata, ia diikuti pil ekstasi (RM325,715), pil erimin 5 (RM99,580), pil nospan (RM63,790) dan ganja (RM28,056).

Beliau berkata, kejayaan itu disebabkan dua faktor utama iaitu peningkatan risikan dan penumpuan pasukan dalam membanteras gejala dadah.

"Sebanyak 1,163 serbuan yang di-

jalankan tahun lalu dan 1,358 individu ditahan atas pelbagai kesalahan narkotik," katanya.

Sementara itu, 43 kes jenayah komersil dicatatkan sepanjang tahun lalu melibatkan penipuan dalam talian seperti 'Parcel Scam', 'African Scam', 'Love Scam' dan 'Mancu Scam', yang membabitkan kerugian RM1.6 juta serta mangsa yang terlibat terdiri daripada mereka yang berumur antara 25 dan 60 tahun.

Abang Ahmad menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada, tidak mudah tertipu dan jangan terlalu mudah percaya orang yang tidak dikenali. - *Bernama*